



10 November 2014
10 November 2014
P.U. (A) 297

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2014

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 4)
ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

**PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 4) 2014**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 17 Disember 2013.

Peremitan cukai dan duti setem

2. Hendaklah diremitkan sepenuhnya apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berhubung dengan Perjanjian Kemudahan Pembiayaan Berjangka-i Komoditi Murabahah berjumlah sehingga dua ribu lima ratus juta ringgit (RM2,500,000,000.00) atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia ke atas Perjanjian Kemudahan itu—

(a) oleh Maybank Islamic Bank Berhad dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, yang baginya Akta ini terpakai menurut Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) 2004 [P.U. (A) 408/2004], sebagai

pihak-pihak kepada Perjanjian Kemudahan itu; dan

(b) oleh mana-mana pihak yang kepadanya Perjanjian Kemudahan itu dipindahkan atau diserahkan.